

Prestasi terburuk pasaran saham dunia sejak krisis

BERITA HARIAN

2/1/19

Ms 19



New York: Pasaran saham dunia mencatatkan penurunan pada hari terakhir dagangan, sekali gus menuju kepada prestasi akhir tahun terburuk sejak krisis kewangan global sedekad yang lalu.

Ita disebabkan oleh kenaikan kadar faedah, perang perdagangan global dan Brexit, kata peniaga.

Pasaran saham London dan Paris turun naik dalam perdagangan pendek susulan cuti menjelang malam Tahun Baru.

Hong Kong pula menokok selepas Presiden Amerika Syarikat (AS), Donald Trump menyebut mengenai, kemajuan besar dalam menyelesaikan perang perdagangan Washington dengan Beijing, tetapi telah turun hampir 14 peratus sepanjang tahun ini.

Wall Street naik pada sesi dagangan akhir 2018, tetapi indeks

indeks utama merosot pada 2018, dengan Dow berkurang 5.6 peratus berbanding akhir 2017.

Ekuiti telah terjejas pada 2018 disebabkan oleh dasar kewangan yang ketat, daripada Rizab Persekutuan (Fed) AS dan juga Bank Pusat Eropah, yang menghentikan dasar rangsangan kuantitatifnya pada bulan ini.

Malapetaka ekonomi

"Saham global telah bersedia untuk menjadi tahun terburuk sejak krisis kewangan, berikutan pengetatan dasar kewangan," kata penganalisis ThinkMarkets, Naeem Aslam.

Sementara itu, Bank of England menaikkan kadar faedah Britain pada bulan Ogos lalu untuk kali kedua sejak krisis kewangan untuk membantu mengurangkan inflasi,

walaupun kebimbangan bahawa Brexit boleh mendatangkan malapetaka kepada ekonomi.

Sentimen juga merosot susulan dasar perdagangan Trump iaitu 'Amerika Didahulukan' yang telah mencetuskan perang perdagangan dengan China dan lain-lain.

Bagaimanapun, Wall Street berjaya merekodkan prestasi keuntungan paling lama pada bulan Ogos, yang bermula di tengah-tengah era krisis dasar monetari yang luar biasa - yang kemudiannya didakwa oleh Trump kejayaan itu hasil pemotongan cukai dan penggantian peraturan yang dilaksananya.

Namun, pasaran telah memuncak pada pertumbuhan global yang perlahan, masalah fiskal Itali, penutupan kerajaan AS dan serangan Trump terhadap Fed.

Pelabur juga keluar mencari perlindungan ketika sifat ketidak-tentuan dari Britain yang mahu keluar dari Kesatuan Eropah pada bulan Mac 2019 menimbulkan ketidakpastian yang panjang.

"Pasaran saham telah naik dalam tahun ini dan Amerika Syarikat berada di tengah-tengahnya," kata penganalisis Oanda, Craig Erlam.

"Pembaharuan cukai sangat menggalakkan pendapatan, yang turut merangsangkan ekonomi," katanya.

Bagaimanapun, perang perdagangan dengan China dan perubahan di tempat lain telah memberi kesan yang sangat ketara kepada pasaran domestik berkaitan yang menjejaskan sentimen pelabur.

AFF

Saham global telah bersedia untuk menjadi tahun-terburuk sejak krisis kewangan, berikutan pengetatan dasar kewangan"

Naeem Aslam,

Penganalisis ThinkMarkets